

NO. SOALAN : 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
HAJI MOHAMAD (LIPIS)**

TARIKH : 1 APRIL 2015

SOALAN :

YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS)

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peratusan pemilikan tanah Bumiputera di Kuala Lumpur sama ada tanah komersial ataupun tanah kediaman.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Berikut dikemukakan maklumat pemilikan individu bumiputera iaitu tidak termasuk pertubuhan atau syarikat bumiputera melalui data yang dicerap daripada Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peratusan pemilikan individu bumiputera daripada keseluruhan hak milik bagi kategori tanah bangunan/kediaman di Kuala Lumpur ialah sebanyak **20.3%**, manakala peratusan pemilikan individu bumiputera daripada keseluruhan hak milik bagi kategori tanah perindustrian/komersial di Kuala Lumpur ialah sebanyak **2.2%**.

Sekian, terima kasih.